

Peluang tinjau persekitaran kampus UPM menaiki trem

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Pengunjung ke Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 25 hingga 30 Oktober ini berpeluang menikmati pemandangan hijau persekitaran kampus itu dengan menaiki trem yang disediakan.

UPM dalam satu kenyataan memberitahu, dengan tambang serendah RM5 untuk dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak, pengunjung akan dibawa melawat ladang dan dusun di sekitar kampus itu.

Lawatan selama 40 minit itu memberi kesempatan kepada pengunjung untuk menerokai kehijauan kampus



dan menyaksikan sendiri kemudahan penganjuran dan penyelidikan pertanian di universiti itu.

“Sepanjang perjalanan, pengunjung akan diberi penerangan oleh sukarelawan pemandu pelancong yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan institusi penganjuran tinggi awam (IPTA) itu.

“Sesi lawatan bermula pukul 9 pagi hingga 6 petang,” jelas kenyataan itu.

Salah satu lokasi lawatan adalah Kompleks Agroteknologi Taman Pertanian Universiti yang memberi peluang kepada pengunjung beramah mesra dengan pegawai pertanian bertugas dan berkongsi idea

serta pengalaman khususnya dalam bidang pertanian dan hortikultur.

Pengunjung yang berminat untuk menaiki perkhidmatan trem itu boleh hadir ke gerai pameran Edu-Park yang terletak bertentangan dengan pentas utama di padang Bukit Ekspo.

Ekspo yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen UPM ke-37 itu bertempat di Bukit Ekspo, Taman Pertanian UPM bermula dari pukul 10 pagi hingga 10 malam dan masuk adalah percuma.

Program selama enam hari itu meliputi pameran dan aktiviti berteraskan pertanian seperti jualan hasil pertanian serta produk hiliran di samping meraikan para graduan dan keluarga mereka.



PARA pengunjung Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM di Serdang, dekat Kuala Lumpur mulai 25 hingga 30 Oktober ini berpeluang menaiki trem untuk menikmati suasana di kampus berkenaan.